

EAEC

penting

BH 28 OCT 1992

kerana

GATT gagal

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan kegagalan rundingan Pusingan Uruguay (GATT) membuktikan 'pentingnya diwujudkan Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

"Sebab itulah kita memerlukan EAEC. Melalui EAEC kita boleh membuat tekanan supaya negara maju membuka pasaran.

"Tanpa EAEC, kita bercakap sebagai sebuah negara saja dan tidak adasiapa yang hendak dengar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Optical Communication Engineering Sdn Bhd, di sini hari ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, beliau tidak bercadang mengadakan mesyuarat khas pemimpin negara Asean untuk membincangkan tindakan seterusnya selepas kegagalan GATT.

"Kini terpulang kepada Asean. Kalau hendak, Aseanlah patut mengemukakan konsep EAEC secara bersungguh-sungguh," katanya.

Beliau juga mengalu-

alukan keputusan yang dicapai di Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean ke-24 (AEM) untuk mempercepatkan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) melalui perjanjian Peraturan Kesetaraan Tarif Samarata (CEPT).

"Ini satu perkembangan baik dan ia lebih bermakna jika ditumpukan kepada barang yang betul diperdagangkan di antara negara Asean.

"Kita menganggap ini sebagai permulaan saja dan kita kena tambah produk yang dikurangkan tarif. Selepas itu kita akan turunkan sehingga mungkin tidak ada tarif langsung, seperti dalam Komuniti Eropah," katanya.

AEM baru-baru ini bersejua mempercepatkan pelaksanaan Afta daripada 15 tahun kepada 10 tahun.

Sebagai permulaan, barang yang pada masa ini dikenakan tarif melebihi 20 peratus akan dikurangkan tarif dalam tempoh 10 tahun, manakala barang yang dikenakan tarif kurang 20 peratus dalam tempoh tujuh tahun.